

## ▶ CARA MENDAPATKAN PERKHIDMATAN

### SUBSIDI PEMBAJAKAN SAWAH PADI



Mendaftar permohonan subsidi pembajakan di **Pejabat Pertanian Daerah** masing-masing bermula pada 1hb Januari sehingga 28hb Februari bagi penanaman pada tahun semasa.

Mengisi borang PP.13.1 (pendaftaran pemohon)

Membawa geran tanah (asal), Kad Pengenalan (asal), Buku Akaun Bank (asal) dan Kad Permohonan Subsidi Untuk Tanaman Padi bagi pemohon individu dan sijil daftar sah syarikat bagi syarikat swasta dan juga badan berkanun kerajaan semasa pendaftaran.

Tanah PT atau LA hendaklah menyertakan Surat Pengesahan Permohonan Tanah [PP.13.2] yang lengkap diisi.

Bagi pemohon yang menyewa tanah sawah hendaklah menyertakan salinan Surat Perakuan Berkanun Penyewaan Tanah Sawah Padi [PP13.3] yang lengkap diisi dan disahkan. Hanya tanah sawah bergeran dan tanah PT atau LA yang mempunyai Surat Arahan Pengukuran (SP) sahaja boleh disewakan